



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

REFLEKSI

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. AHMAD MUHAJMIN BIN AHMAD HAMBALI	A20EC0006
2. GOO YE JUI	A20EC0191
3. LEE JIA XIAN	A20EC0200
4. NUR SYAMALIA FAIQAH BINTI MOHD KAMAL	A20EC0118
5. SAKINAH AL'IZZAH BINTI MOHD ASRI	A20EC0142

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/13
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/2
TOTAL	/20

Contents

REFLEKSI	2
BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN	3
BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA	4
BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU	5
BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT	6
BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL	7
BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA & PERADABAN DI MALAYSIA	8
BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA & KOMUNIKASI KONTEMPORARI	9
BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL	10
BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN	11

REFLEKSI

Apabila mempelajari bab perlembagaan Malaysia, saya berasa sangat bersyukur kerana lahir selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Walaupun Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya, namun keamanan negara dan kestabilan politik kita dipandang tinggi dan dicemburui oleh negara-negara asing. Selain itu, perlembagaan Malaysia iaitu undang-undang tertinggi yang dibentuk bagi menjadi rujukan perundangan telah melalui beberapa peringkat yang berbeza sejak penjajahan British di Tanah Melayu sehingga pembentukan Malaysia. Hal ini kerana berlaku kekurangan dalam setiap peringkat sistem pemerintahan yang akhirnya menyebabkan kebangkitan kaum Melayu supaya memperjuangkan hak mereka. Misalnya, semasa perlembagaan Malayan Union, kuasa raja-raja Melayu dihadkan di dalam urusan pentadbiran dan pemberian kerakyatan melalui prinsip *jus soli* telah menyebabkan penentangan hebat oleh orang Melayu. Saya berasa kagum akan kesepaduan orang Melayu yang bertungkus lumus dalam mempertahankan hak mereka dan raja-raja Melayu. Oleh itu, tidak hairan jika salah satu isi kandungan perlembagaan Malaysia adalah pemerintahan beraja. Maka, sistem pentadbiran Malaysia mempunyai keunikan yang tidak ada dalam negara-negara lain iaitu sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Contohnya, menurut akhbar Berita Harian (2020), Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengambil alih kuasa pentadbiran semasa musim pandemik setelah berita peletakan jawatan Tun Dr Mahathir yang merupakan perdana menteri Malaysia. Kewibawaan beliau dalam menyelesaikan konflik politik ketika itu amat dikagumi oleh semua pihak dan sepatutnya dijadikan teladan. Hal ini menunjukkan keutuhan sistem pentadbiran di Malaysia jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran negara-negara lain seperti Amerika Syarikat yang menjalankan sistem demokrasi berpresiden, ia akan berlaku kekecohan apabila tidak mempunyai presiden ketika situasi genting. Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah menghargai perlembagaan yang telah diwujudkan dengan tidak menyentuh isu-isu sensitif iaitu pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu.

Tidak dapat dinafikan bahawa penerapan etika dan peradaban dalam budaya dan komunikasi temporari membuatkan saya berasa teruja untuk mempelajarinya. Hal ini kerana pada abad 21, banyak inovasi serta teknologi canggih berkembang pesat bagi memudahkan kehidupan manusia.

Ini bersesuaian dengan peribahasa seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Penggunaan media sosial yang meningkat saban hari terutamanya semasa berlakunya pandemik menyebabkan pelbagai urusan harian yang melibatkan perjumpaan fizikal beralih kepada alam maya. Media sosial merupakan platform yang membenarkan seseorang individu bebas menyuarakan pendapat masing-masing. Namun begitu, kita perlulah ingat bahawa hak kebebasan bersuara yang terhad di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan masyarakat majmuk. Buktinya, ramai artis di negara barat banyak menulis lirik yang berbaur kritikan terhadap pemimpin atau dasar politik (Dalton, 2020). Berbeza dengan Malaysia yang akan menghukum rakyat yang menghina atau mencela seseorang. Tambahan pula, jenayah siber seperti penggodaman atau buli siber meningkat akibat kurang kesedaran akan etika ketika menggunakan internet atau media sosial. Hedonisme iaitu gaya hidup yang mengutamakan keseronokan juga menjadi salah satu punca berlakunya masalah-masalah siber. Prinsip ini patut dijaui oleh semua pihak kerana akan merosakkan imej baik negara dan mengguris hati pelbagai pihak. Saya terkesima dan sedih apabila ada di kalangan anak muda yang mengamalkan budaya hedonisme lalu mencalarkan maruah diri, keluarga dan agama akibat terhumban di dalam kancah maksiat. Justeru itu, kita perlulah berhati-hati dan ingat akan limitasi penggunaan teknologi dalam kehidupan harian.

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Sesebuah negara mempunyai definisi etika yang berbeza-beza mengikut peradaban masyarakat di negara tersebut. Misalnya, etika dalam peradaban barat ditakrifkan sebagai sikap dan adat yang menentukan tingkahlaku sesebuah masyarakat betul atau salah. Manakala, etika dalam tamadun Islam ialah akhlak bermaksud budi pekerti, tabiat dan tingkah laku manusia berdasarkan Al-Quran dan hadith serta berteraskan kepada tiga prinsip utama iaitu fitrah, tabiat dan amalan. Sehubungan dengan itu, setiap individu, masyarakat, negara dan sejagat mempunyai kefahaman dan amalan etika yang berbeza. Natijahnya, etika merupakan prinsip-prinsip moral yang menjadi panduan hidup agar setiap individu dapat melaksanakan tanggungjawab mereka secara beretika.

Dalam bab ini, saya pelajari lima prinsip asas etika iaitu prinsip nilai hidup manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan saksama, prinsip kejujuran dan prinsip kebebasan. Kelima-lima prinsip ini menjadi panduan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan bermoral kerana semua prinsip tersebut sangat bersesuaian diamalkan dalam urusan kehidupan seharian manusia. Prinsip etika yang paling utama ialah prinsip nilai hidup manusia yang menyatakan bahawa tanggungjawab manusia ialah menjaga nyawa diri sendiri dan pihak lain dengan sebaik mungkin tanpa mengira tempat dan masa. Hal ini kerana, nyawa merupakan anugerah Tuhan yang paling berharga. Contohnya, ketika musim pandemik Covid-19 setiap individu perlu menjaga prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka jika berada di tempat awam dan mematuhi penjarakan fizikal serta mengurangkan aktiviti di tempat awam untuk menjaga kesihatan mereka daripada jangkitan virus Covid-19 yang boleh mengancam nyawa seseorang. Seterusnya, prinsip kebaikan dan keburukan yang menggalakkan manusia membuat kebaikan dan meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan. Kebaikan dan keburukan bersifat subjektif, ianya boleh mendatangkan kesan secara langsung atau tidak kepada pelaku perbuatan dan juga pihak lain. Misalnya, sepanjang Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) ketika musim pandemik ini kebanyakan masyarakat Malaysia suka melengkapi satu sama lain seperti berkongsi idea untuk bersenam agar masyarakat Malaysia tetap menjaga kesihatan walaupun ketika pergerakan yang terhad. Selain itu, prinsip keadilan dan saksama. Prinsip ini membincangkan pentingnya membuat pertimbangan yang wajar agar berlakunya keadilan dan kesaksamaan kepada setiap

individu walaupun sesetengah individu beranggapan mereka tidak diberikan keadilan yang sewajarnya. Contohnya, pada tahun 2019 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan 90 peratus peningkatan terhadap kehadiran murid orang asli ke sekolah. Hal ini bagi menjamin peluang dan akses pendidikan yang adil dan berkualiti kepada semua murid berasaskan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Selanjutnya, prinsip kejujuran yang bermaksud seseorang itu mestilah memiliki kelakuan yang beretika, mempunyai niat, pertuturan dan perbuatan yang selari dengan satu sama lain. Dengan ini, wujudnya sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Misalnya, seorang pemimpin mestilah berintegriti dalam melakukan kerja dari segi perbuatan dan percakapan agar rakyatnya dapat menghormati segala keputusan yang dikeluarkan olehnya. Akhir sekali, prinsip kebebasan yang dikaitkan dengan etika hak asasi manusia. Kebebasan dari segi apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh manusia berlandaskan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. contohnya, kebebasan untuk bersuara diberikan kepada semua rakyat di Malaysia tetapi tidak boleh menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama kerana boleh menimbulkan pertelingkahan di antara masyarakat Malaysia yang majmuk. Pada awal tahun 2020 wujudnya isu bantahan pengajaran jawi di sekolah vernakular. Mereka mendakwa dengan mempelajari tulisan jawi menyebabkan pelajar terpaksa menerima ajaran dalam sesuatu agama. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana jika kita lihat di Mesir kebanyakan orang Kristian menggunakan tulisan Arab yang sama dengan tulisan jawi. Hal ini demikian kerana, tulisan Arab atau jawi melambangkan identiti sesebuah negara sejak awal penubuhan negara tersebut.

Saya berpendapat bahawa bab ini memberikan kesan yang mendalam kepada diri saya dari sudut intelektual dan psikologi. Etika merupakan satu nilai atau prinsip yang telah ditetapkan berdasarkan konteks individu, masyarakat dan negara masing-masing bagi membantu setiap manusia menjalankan tanggungjawab dengan bermoral dan beretika. Hal ini demikian kerana, adanya lima prinsip asas etika yang harus diamalkan oleh setiap manusia di seluruh dunia.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyumparkan tugas ini ialah kesukaran untuk menghubungkan kaitkan dan mengamalkan kelima-lima prinsip etika dengan situasi semasa. Selain daripada itu, amalan etika yang berbeza-beza disebabkan faktor kepelbagaian kaum dan etnik di dunia ini merupakan satu cabaran untuk memahami amalan etika yang mereka amalkan.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

Dalam topik subjek ini, terdapat banyak moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang saya pelajari. Kebaikan yang paling utama dalam kehidupan merupakan kebijaksanaan, kawalan sendiri, keberanian dan keadilan. Lazimnya, saya belajar untuk melakukan kebaikan dalam kehidupan seharian melalui teori kebaikan. Hal ini demikian kerana seseorang yang menghayati watak yang baik dan cemerlang, kebiasaannya boleh melakukan sesuatu perkara yang betul pada masa yang sesuai dan dengan cara yang dibenarkan. Contohnya ahli falsafah seperti Aristotle menegaskan bahawa kebaikan adalah sesuatu yang praktikal untuk dilakukan dan diamalkan oleh manusia dan etika pula untuk melahirkan insan lebih baik. Di samping itu, saya banyak belajar tentang teori keadilan yang dipengaruhi oleh Teori Utilitarianisme dalam Teori Deontologi dalam bab ini. Lebih-lebih lagi, prinsip ketidakadilan sosial dan ekonomi hanya dibenarkan kepada tahap di mana ianya hanya menguntungkan sebilangan kecil sahaja manusia. Oleh hal yang demikian, jika prinsip ketidakadilan yang akan dibentuk akan menguntungkan pihak yang sudah sedia ada mendapat kelebihan dan keuntungan daripada sistem yang sedia ada, maka tindakan ini adalah tidak dibenarkan sama sekali. Contohnya, prinsip keadilan pertama iaitu Sistem Kebebasan Dasar dari teori John Rawls adalah tentang kebebasan. Masalah kebebasan ini terutama berkaitan dengan urusan pembatasan hukum diri sendiri. Dalam akhir bab ini, saya juga mempelajari kepentingan hak asasi manusia untuk hidup dengan memiliki kebebasan, dan harta benda. Menurut Locke, terdapat tiga teras hak asasi manusia iaitu kehidupan, kebebasan dan harta. Jika manusia tidak mempunyai hak atas kebebasan dan harta maka kuasa pasaran yang akan menentukan hak tersebut dan sekiranya ini terjadi maka menyebabkannya tidak dianggap sebagai hak asasi sebenar individu berkenaan. Contohnya, penduduk di Malaysia mempunyai hak kebebasan untuk menganut apa-apa agama sekiranya tidak melanggar undang-undang dan perlembagaan negara.

Topik Subjek ini memberi kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi bahawa Teori-teori etika adalah salah satu kekuatan dalam langkah kita bagi menjejak titik persamaan dalam kepelbagaian agar persetujuan yang bersama dapat diperolehi dengan menjadikan teori-teori etika ini sebagai satu bentuk penyelesaian kepada perbezaan pendapat dan pandangan berasaskan kaum, budaya, agama dan kepercayaan. Hal ini demikian kerana

teori-teori etika ini memainkan peranan bagi sendiri perwatakan dan kualiti seseorang insan sama ada kita sebagai individu atau sebagai sebuah masyarakat.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah tidak dapat memberi tumpuan yang fokus dalam kelas sesi online dalam webex. Hal ini demikian kerana ketidakcapaian stabiliti wifi dalam rumah saya yang mengakibatkan saya tidak dapat mendengar apa-apa mesej yang diberikan oleh Dr dalam kelas. Saya juga tidak dapat bertanyakan soalan semasa sesi yang kurang saya fahami serta memberi respon semasa ditanya soalan.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

Agama Islam merupakan agama terpanjang untuk berkembang ke seluruh dunia. Statistik telah menyatakan bahawa 1/7 populasi dunia menganut agama Islam. Menurut satu kajian, antara 2010 dan 2050 populasi muslim di dunia akan meningkat sebanyak 73%. Perkara tersebut telah membuktikan bahawa Islam bukan hanya agama biasa. Sesebuah agama tidak akan tersebar ke seluruh dunia dalam tempoh masa yang sangat singkat iaitu hanya 1400 tahun tanpa sebab dan faktor yang perlu dikaji. Tamadun Islam merupakan satu tamadun yang sangat unik dan istimewa, penuh dengan hikmah dan nilai yang patut diteliti bagi membentuk satu masyarakat yang seimbang dan berjaya. Tamadun Islam dapat dikategorikan kepada beberapa peringkat. Pada permulaan iaitu zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W, kemudian diikuti dengan zaman Khulafa al-Rashidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiyah, Bani Mughuliyah dan Uthmaniah. Pada setiap peringkat terdapat nilai-nilai yang perlu diikuti dan dijadikan contoh pada masyarakat hari ini.

Pada zaman ini, terlalu banyak isu perkauman berlaku di seluruh dunia. Contohnya di Amerika Utara dan Eropah, wujudnya satu istilah “White Supremacy” yang mencetuskan kemarahan kepada masyarakat berkulit gelap yang tidak mendapatkan layanan sepatutnya. Kes pada tanggal 14 May 2020, George Floyd yang terbunuh ketika ditahan oleh pihak berkuasa telah membuktikan bahawa masalah perkauman merupakan satu masalah yang amat berat di dunia ini. Kes tersebut telah mencetuskan kesedaran kepada seluruh dunia. Satu protes yang dilakukan di seluruh dunia dengan membawa slogan “Black lives matter”. Perkara ini berlaku lebih kronik di kalangan masyarakat yang beragama islam sehingga wujud istilah “Islamophobia”. Masyarakat Islam sering dikaitkan dengan kegiatan pengganas sehingga membuatkan masyarakat meletakkan individu beragama islam dilayan buruk. Pada zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W di Madinah, baginda tidak melayan masyarakat yang bukan beragama islam dengan buruk malah baginda melayan mereka dengan sangat adil. Dalam konteks Islam, sesiapa yang beragama Islam adalah bersaudara dan tanpa mengira kaum, warna kulit. Perkara ini pernah di ketengahkan oleh el-Hajj Malik el-Shabazz atau lebih dikenali sebagai Malcolm X. Beliau pernah memberitahu dalam satu wawancara tentang bagai mana masyarakat islam di seluruh dunia berkumpul di Mekah untuk melakukan ibadah Haji

tanpa mengira kaum atau warna kulit, mereka melakukan semua ibadah yang sama dengan tujuan yang sama. Nilai ini perlu di ambil bagi mengatasi isu perkauman yang semakin hari semakin kritikal.

Tamadun Melayu sangat terkenal dengan kepelbagaian adat dan budaya yang dilakukan. Pada Bab ini, kita dapat lihat kesinambungan antara Tamadun Islam dan Tamadun Melayu kerana bangsa Melayu berteraskan bahasa Melayu setelah kedatangan dan penerimaan Islam. Banyak nilai yang boleh diambil daripada Tamadun Melayu itu sendiri. Antara nilai yang paling jelas ialah kesetiaan orang Melayu kepada Sultan atau pemerintah. Perkara ini dapat dibuktikan oleh kewujudan adab-adab ketika bertemu pemerintah seperti menggunakan bahasa yang istana yang sangat merendah diri. Kesetiaan kepada pemerintah adalah suatu perkara yang sangat penting bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian sesuatu negara. Sesuatu negara itu akan menjadi huru hara sekiranya rakyat dapat bebas untuk mengikut atau tidak pemerintah mereka. Contohnya, “Freedom Speech” yang dilakukan oleh Negara Amerika Syarikat telah memakan diri apabila, rakyat bebas untuk mengkritik pemimpin atau semua perkara tanpa had. Kes protes pihak pro trump yang telah mengorban wanita merupakan bukti jelas bahawa kesetiaan kepada pemimpin sangat penting.

Cabaran yang saya hadapi semasa menyediakan tugas ini adalah mengaitkan isu semasa dengan Tamadun-tamadun tersebut. Hal ini kerana, saya kurang mengambil berat terhadap isu semasa dan kurang membaca.

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT

Setiap tamadun yang terkenal di dunia ini mencerminkan mereka mempunyai ciri etika dan peradaban yang tinggi dalam era tertentu. Tamadun yang mampu bertahan dan ada tamadun yang musnah. Walau bagaimanapun, setiap tamadun yang maju pada zamanya perlu diselidiki dan dinilai semula oleh generasi seterusnya agar mereka mengikuti analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar.

Dalam subjek ini, saya dapat memahami tentang hubungan citra semesta dengan etika di dalam kepelbagaian peradaban Asia dan Barat. Hubungan citra semesta mempunyai peranan penting dalam pembentukan manusia moden . Sebagai contoh, Tamadun Cina dipercayai bermula kira-kira pada milenium ke-6 Sebelum Masihi (SM) dan Tamadun china merupakan salah sebuah tamadun tertua di dunia. Hubungan citra semesta yang masih ada pada hari ini ialah konsep-konsep seperti Konsep Dao, Konsep Ren, Konsep Lima Hubungan(Wu hsing). Selain itu, saya juga dapat mengetahui tentang isu-isu etika dan peradaban dalam peradaban Asia dan Barat. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban. Oleh kerana itu, isu-isu etika dan peradaban mengingatkan perilaku tanggungjawab sosial pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Sebagai contoh, ciri-ciri masyarakat yang memperlihatkan pengaruh sistem kekeluargaan Cina seperti waris sebelah bapa, pemerintah yang memusatkan kuasa bapa,kuasa suami yang tertinggi, mementingkan anak lelaki berbanding anak perempuan. Semua ini merupakan etika dan peradaban yang tidak adil terhadap perempuan. Hal ini demikian, semua isu ini memberi impak kepada masyarakat moden supaya menghayati feminisme. Selain itu, saya belajar tentang nilai-nilai murni dalam peradaban Asia dan Barat. Sebagai contoh, nilai-nilai etika peradaban barat oleh tamadun Rom. Tamadun Rom adalah tamadun Barat yang menjadi asas kepada tamadun Barat hari ini. Antara nilai-nilai keperibadian mulia ialah dignitas (dignity)- kehormatan diri; veritas (honesty)- kejujuran; dan clementia (mercy)- mengasihani. Seseorang itu harus memiliki ciri-ciri integriti peribadi jika ingin diterima dalam masyarakat serta dapat berjaya dalam hidupnya. Statistik 2014 hingga 2019 menunjukkan 46.3 peratus daripada 4,860 individu ditahan atas kesalahan rasuah adalah penjawat awam. Generasi muda berusia bawah 40 tahun pula merangkumi 53.4 peratus. Berdasarkan kajian dijalankan SPRM yang membabitkan kira-kira 1000 pelajar universiti, 16 peratus daripada mereka sanggup

menerima rasuah, manakala 18.5 peratus pula sanggup menerima rasuah jika tiada apa-apa tindakan diambil terhadap perbuatan mereka. Gejala rasuah ini boleh menyebabkan mereka hilang status pelajar di universiti. Hal ini juga akan menjejaskan imej individu, keluarga dan universiti.

Subjek ini memberi kesan kepada saya supaya sentiasa menghayati nilai-nilai etika ini bagi mencapai keharmonian dan kesejahteraan hidup. Penghayatan nilai etika juga membolehkan saya menghormati dan menanam sikap bertoleransi terhadap masyarakat lain.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini memahami konteks yang lebih mendalam mengenai etika dan peradaban dalam kepelbagaian tamadun. Etika dan peradaban dari tamadun-tamadun susah dikaitkan dengan isu-isu semasa di Malaysia kerana kebanyakannya telah ketinggalan zaman.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

Dalam topik subjek ini terdapat pelbagai moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang boleh saya pelajari. Salah satunya ialah kepentingan pemantapan kesepaduan nasional melalui etika dan peradaban. Saya dapat memahami konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional. Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana negara kita terdiri daripada pelbagai kaum. Kesepaduan nasional dan kesepaduan sosial amat penting untuk memastikan sesebuah komuniti yang berbeza kaum mempunyai perkongsian norma hidup dan persamaan nilai. Menurut pada Enizahura Abdul Aziz, perpaduan pelbagai kaum amat penting supaya merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Selain itu, saya dapat menjelaskan proses dan usaha ke arah mencapai kesepaduan nasional dalam subjek ini. Keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat hanya dapat dicapai jika setiap kaum mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi seharian. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai penganut agama dan mengamalkan budaya berbeza. Oleh yang demikian, proses dan usaha untuk mencapai kesepaduan nasional perlu difahami oleh rakyat Malaysia bagi merealisasikan matlamat perpaduan nasional. Sebagai contoh, semenjak terjadinya rusuhan kaum pada 13hb. Mei 1969, 'perpaduan nasional' dijadikan matlamat akhir utama untuk dicapai di Malaysia. Jadi, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan pada tahun 1971. Pensyarah Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Jaysuman Pusppanathan berkata punca kepada ketegangan antara kaum di negara ini adalah kerana kurangnya komunikasi berkualiti antara masyarakat. Salah satu inisiatif yang baik sebagai proses dan usaha untuk mencapai kesepaduan nasional ialah kempen Uninstall Hatred: Reboot Malaysia & Global Harmony bagi memastikan rakyat di negara Malaysia hidup secara harmoni dan saling menghormati.

Subjek ini memberi kesan kepada saya bahawa kepentingan untuk menyedut ilmu tentang isu-isu dan teknologi semasa. Subjek ini menjadikan saya seorang insan yang peka dan insan terhadap budaya kaum-kaum lain. Saya juga belajar nilai saling menghormati, keharmonian.

Antara cabaran yang saya menghadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah tugas ini tidak dapat dibincangkan antara kumpulan saya disebabkan kesibukan pelajaran. Hal ini amat merugikan kerana ahli kumpulan saya dari kaum yang berbeza dan pendapat mereka tentang kesepaduan nasional amat dihargai.

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA & PERADABAN DI MALAYSIA

Pembentukan sesebuah negara memerlukan lima syarat utama iaitu penduduk, wilayah, kerajaan, perlembagaan dan kedaulatan. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi dasar pemerintahan sesebuah negara. Sejarah pembentukan perlembagaan negara Malaysia sangat panjang yang banyak merekodkan peristiwa perjuangan rakyat, pemimpin dan kerjasama pelbagai etnik dalam menghadapi ujian yang penuh onak duri semasa penjajahan British. Moral yang dapat saya pelajari di dalam bab ini ialah toleransi yang tinggi mampu mencetuskan keamanan negara. Hal ini kerana sikap ini memberi peluang kepada pihak terbabit supaya dapat menyelesaikan masalah tanpa berlakunya pertelingkahan dan memahami individu lain yang berbeza pandangan. Sebagai contoh, toleransi antara kaum yang dijalankan di Malaysia berhasil menubuhkan sebuah negara yang berbilang kaum, budaya dan agama sejak peristiwa Pilihanraya Umum 1955. Peristiwa ini membuka minda kaum Melayu agar menghapuskan jurang perkauman yang sudah berlaku sejak penjajahan British di Tanah Melayu. Walaupun pada awalnya orang Melayu tidak dapat menerima kedatangan imigren asing yang mahu mendapatkan kerakyatan melalui prinsip jus soli, namun mereka sedar akan kepentingan kerjasama antara kaum bagi mendapatkan kemerdekaan. Maka, setiap individu perlulah bertolak ansur antara satu sama lain demi mencapai perpaduan dan kesejahteraan negara. Selain itu, masyarakat perlulah bekerjasama dalam menentang pihak musuh atau ideologi yang memecahbelahkan kesepaduan kaum. Dengan memahami dan menghormati setiap kaum, kita dapat mengukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara seperti kaum Cina dan India haruslah menghormati undang-undang yang termaktub di dalam perlembagaan negara. Mereka tidak boleh mempertikaikan kandungan yang sudah tertulis terutamanya tentang isu agama Islam, bahasa Melayu, pemerintahan beraja dan kedudukan istimewa orang Melayu. Misalnya, Jabatan Agama Islam Malaysia (Jakim) telah menerima dan menyaring 42,500 mesej aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam di media sosial sehingga 30 Jun 2020 (Hassan, 2020). Isu ini bukan pertama kali tersebar, tetapi sudah berkali-kali muncul di media sosial. Pada hakikatnya, masyarakat tidak patut menghina atau membahaskan isu tentang agama Islam kerana ianya merupakan agama persekutuan. Mereka juga perlu bersyukur kerana agama-agama lain masih boleh diamalkan di sini tidak seperti negara-negara asing yang lain.

Perlembagaan persekutuan dan peradaban di Malaysia memberi kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi supaya berfikiran terbuka untuk mendengar pendapat dan pandangan orang lain. Sikap ini juga mampu memberikan ketenangan dan jalan penyelesaian tanpa sebarang selisih faham antara individu terbabit. Contohnya, apabila berlakunya sebarang aktiviti berkumpulan, setiap ahli kumpulan berhak menyuarakan pendapat masing-masing agar semua orang berpuas hati dan mengetahui tugas dengan sepenuhnya. Di samping itu, saya juga haruslah menghormati setiap individu. Dengan menghormati orang lain, saya dapat mengeratkan hubungan dan meluaskan kenalan terutamanya apabila saya tinggal di dalam sebuah masyarakat yang majmuk. Oleh sebab itu, masyarakat akan aman kerana sedar akan keadilan dan kebebasan terhadap hak individu.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah mengingati setiap kronologi penting yang berlaku sepanjang pembentukan perlembagaan Malaysia seperti penubuhan Suruhanjaya Reid yang dibentuk pada Mac 1956. Hal ini membuktikan bahawa besarnya kepentingan bagi saya untuk menguasai subjek Sejarah sejak di bangku sekolah. Sejarah juga merupakan subjek utama yang memberi ilmu tentang perkembangan, peradaban dan identiti bangsa yang perlu dihayati oleh setiap orang bagi mengelakkan peristiwa hitam berulang di masa hadapan. Akhir sekali, saya juga hendaklah berusaha memahami konteks ilmu yang ingin disampaikan di dalam bab ini dengan lebih mendalam walaupun pemahaman ini sudah diajar berulang kali dari sekolah rendah.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA & KOMUNIKASI KONTEMPORARI

Asas pegangan dalam sesebuah pentadbiran demokrasi adalah amalan kebebasan bersuara dan hak asasi manusia. Hak kebebasan bersuara boleh ditakrif sebagai hak manusia menyuarakan pendapat peribadi tanpa halangan atau batasan. Terdapat perbezaan yang jelas terhadap pelaksanaan amalan hak kebebasan bersuara di Malaysia dan negara-negara Barat. Meskipun Malaysia merupakan sebuah negara yang memberi kebebasan suara kepada rakyat, akan tetapi ia bukanlah mutlak supaya dapat mengelakkan pertelingkahan apabila melibatkan sesetengah isu sensitif. Berbeza dengan negara Barat yang membenarkan sebarang isu disuarakan tanpa tapisan kerana mereka mengamalkan hak kebebasan suara yang mutlak. Lantas, moral yang saya perolehi daripada bab ini ialah bijak dalam membuat keputusan. Penggunaan teknologi media yang semakin berleluasa di dunia telah menyebabkan pelbagai pengaruh negatif kepada masyarakat terutamanya golongan remaja. Budaya barat yang sinonim dengan gaya hidup hedonisme iaitu satu ideologi yang hanya mementingkan keseronokan hidup tanpa batasan, amat tidak sesuai dengan adab dan budaya sopan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, saya mestilah bijak membuat tindakan sebelum terjerumus ke dalam gejala sosial yang berpotensi melibatkan aktiviti jenayah. Tambahan pula, saya hendaklah bijak memilih rakan sebaya kerana mereka merupakan individu yang paling rapat selepas keluarga yang mampu mempengaruhi diri saya. Pemilihan rakan-rakan yang baik dan berakhlak mulia akan sentiasa menasihati dan mengajak kita ke arah masa depan yang lebih baik. Contohnya, kebanyakan remaja pada masa kini amat meminati kpop yang mempunyai banyak lirik mempromosikan budaya hedonisme, cinta dan kebebasan. Akibatnya, ramai remaja terpengaruh dengan budaya negatif lalu meningkatkan kadar jenayah di dalam negara seperti dadah, merempit dan perjudian. Namun begitu tidak semua budaya luar yang menjurus kepada unsur negatif dan boleh dicontohi seperti pemakaian moden iaitu seluar slack bagi pemakaian harian. Di samping itu, saya juga seharusnya bijak membuat keputusan sebelum mempercayai berita atau maklumat yang disebarkan dalam media sosial. Hal ini kerana maklumat yang disebarkan tidak semestinya betul dan menimbulkan salah faham dalam masyarakat. Sebagai contoh, penyebaran berita palsu oleh seorang pelakon dan orang awam yang menyatakan semua negara melarang kedatangan pelancong dari China melainkan Malaysia telah menyebabkan kegusaran penduduk setempat. Oleh itu, tindakan soal siasat yang dijalankan oleh pihak berkuasa sangat wajar bagi

membendung kejadian ini daripada berlaku lagi (2020). Maka, sebagai pengguna media massa yang berhemat, kita mestilah berhati-hati dan berfikir terlebih dahulu sebelum menyampaikan sebarang maklumat.

Bagi peradaban dalam budaya dan komunikasi temporari ini, terdapat beberapa kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi. Antaranya, bijak mengawal diri dan nafsu. Tidak salah bagi diri sendiri untuk berseronok kerana setiap orang mempunyai hak kebebasan individu. Akan tetapi, saya haruslah bersederhana dan tidak melampaui batas agar tidak terjerumus dalam gejala sosial seperti aktiviti seks bebas dan dadah. Selain itu, saya mestilah menghindari berita palsu yang mampu menimbulkan fitnah. Penyebaran isu-isu yang menyentuh sensitiviti rakyat, bangsa atau agama boleh menyebabkan rusuhan dan kemarahan pihak-pihak terbabit lalu melumpuhkan keselamatan negara. Lalu akan memudahkan perancangan serang hendap pihak musuh untuk menjajah negara. Oleh itu, kita mestilah berwaspada dalam menyampaikan maklumat.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah memahami konteks yang lebih mendalam mengenai isu budaya dan komunikasi kotemporari. Setiap maklumat yang dinyatakan di dalam bab ini merupakan sesuatu yang tidak asing bagi saya kerana saya juga merupakan pengguna media sosial seperti *Facebook* dan *Whatsapp*. Namun begitu, saya perlulah membuat analisis yang lebih terperinci mengenai isu-isu yang dibahaskan supaya lebih memahami dan menghayati ilmu yang disampaikan.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Dalam topik subjek ini yang terkandung dengan pelbagai moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran, saya telah mempelajari serta menghayati kepentingan etika dalam menjalani kehidupan seharian sama ada sebagai pelajar atau pekerja. Saya banyak mempelajari nilai bertanggungjawab secara sosial. Dengan ini, saya akan meletakkan semua pihak, baik organisasi atau individu, mempunyai kewajipan untuk bertindak bagi kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Hal ini demikian kerana individu sebagai warga yang bertanggungjawab sentiasa mengutamakan kepentingan masyarakatnya atau negaranya. Secara global, seseorang insan juga mempunyai tanggungjawab ke atas kesejahteraan sosial bagi seluruh penduduk dunia. Bukan itu sahaja, saya akan memastikan setiap tindakan yang dilakukan adalah mengikut etika yang baik tanpa perlu pengawasan oleh agensi penguatkuasaan luaran dan ancaman seperti hukuman atau tekanan masyarakat di sekeliling. Sifat kesukarelawanan dan kedermawanan juga akan saya amalkan dalam langkah menegakkan hak asasi manusia, bantuan bencana, air bersih, program pendidikan. Untuk merealisasikan tanggungjawab secara sosial, saya akan melaksanakan tanggungjawab sendiri secara bersungguhsungguh dan ikhlas. Selain itu, saya mempraktikkan nilai-nilai keadilan sosial yang menjadi teras kewujudan sebuah masyarakat yang harmonis. Saya rela dan sedia untuk membantu orang lain dari kesusahan yang menjadikan nilai kesukarelaan menjelma secara semulajadi dalam dirinya. Hal ini demikian kerana sifat yang mementingkan kewujudan suasana keadilan wujud dalam masyarakat akan menjadikan seseorang itu akan mudah tersinggung apabila wujudnya perkara negatif yang sengaja dilakukan oleh seseorang yang telah diberikan amanah tetapi mengkhianat amanahnya.

Subjek ini memberi kesan kepada saya bahawa setiap insan memainkan peranan yang signifikan dalam merealisasikan tanggungjawab secara sosial. Kuasa seseorang tiak mencukupi bagi mewujudkan keadilan sosial. Dengan wujudnya masyarakat yang memiliki kesedaran dan penghayatan tinggi terhadap nilai etika yang menjadi teras wujudnya kebudayaan yang tinggi, kelangsungan ketinggian sesebuah peradaban atau ketamadunan dapat dicapai.

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah tidak dapat berkomunikasi dengan ahli-ahli kumpulan dengan baik dan efektif. Hal ini kerana pandemik COVID-19 telah menyebabkan kita tidak sempat untuk berbincang secara bersemuka. Ini telah menjejaskan kemajuan apabila menyediakan tugas ini secara kumpulan.

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

Cabaran keterlestarian etika dan peradaban yang pertama ialah cabaran politik. nilai yang perlu dipupuk untuk mencapai kematangan yang tinggi ialah saling bantu-membantu ketika menjalankan tugas. Misalnya, sikap dan perilaku politik seseorang dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dialami oleh negara dengan tidak memburuk-burukkan parti politik tersebut malahan memberikan solusi untuk masalah tersebut. Perkara ini dapat dilihat ketika kes pandemik Covid-19 semakin meningkat, kebanyakan ahli politik di Malaysia mementingkan diri sendiri hanya untuk kuasa dan jawatan yang tinggi dalam pentadbiran. Walhal, setiap ahli politik ini perlulah berganding bahu dengan menyumbangkan idea dan tenaga bagi menangani pandemik Covid-19. Seterusnya, nilai untuk menangani cabaran dalam ekonomi ialah mempunyai minda kelas pertama dan produktif bagi merapatkan jurang antara kaya dan miskin. Menurut Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, pada dasarnya, pekali Gini kian menurun daripada 0.505 pada tahun 1979/1980 kepada 0.407 pada 2019. Ini menunjukkan bahawa situasi jurang pendapatan antara mereka yang berpendapatan tinggi dan rendah semakin dapat dirapatkan. Selain itu, nilai bersatu padu haruslah diterapkan dalam diri setiap individu. Hal ini bagi mengelakkan sebarang pergaduhan dan pertelingkahan dalam masyarakat, lebih-lebih lagi negara kita Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan bangsa. Oleh yang demikian, kita mestilah saling hormat-menghormati antara kaum untuk keharmonian dan kesejahteraan negara dan masyarakat. Lain daripada itu, kita mestilah mempunyai jati diri yang tinggi seperti berintegriti, bersih, kreatif dan positif. Masyarakat yang mempunyai tahap jati diri yang tinggi memberi impak kepada kemajuan sesebuah negara serta kelestarian dan keharmonian. Contohnya, masyarakat negara Jepun sangat mengamalkan *Mizukara* iaitu “*common sense*” yang bermaksud melakukan sesuatu perkara atas dasar kesedaran sesebuah masyarakat tersebut tanpa disuruh. Nilai ini perlu dipraktikkan pada masyarakat dalam menjaga alam sekitar dan perbendaharaan awam. Akhir sekali, sebagai rakyat Malaysia mestilah memartabatkan dan menghayati kelima-lima prinsip rukun negara yang telah ditetapkan. Rukun negara merupakan satu panduan sosial untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat, mengekalkan cara

hidup demokrasi, mewujudkan masyarakat yang adil, pendekatan yang liberal terhadap adat dan kebudayaan, dan juga membangunkan satu masyarakat progresif yang berlandaskan sains moden dan teknologi. Oleh yang demikian, prinsip dan matlamat rukun negara adalah perkara yang amat relevan untuk pembinaan negara dan kesatuan rakyat Malaysia.

Topik ini amat memberikan kesan kepada saya kerana sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab seharusnya menjaga kelestarian etika dan peradaban dari semua aspek. Hal ini demikian kerana, pembentukan etika dan peradaban memerlukan proses yang lama. Oleh itu, semua pihak haruslah bijak dengan menggunakan formula yang betul dan negara Malaysia mestilah mempunyai kepimpinan yang berintegriti.

Cabaran yang saya hadapi untuk menyempurnakan tugas ini ialah untuk memahami setiap cabaran dalam melestarikan etika dan peradaban dengan mencari dan mencari solusinya. Selain itu, cabaran untuk menulis dan menerangkan nilai yang ada dalam bab ini agar dapat memberi impak kepada pembaca.

Rujukan

1. Dalton, A. (2020, October 27). Artists denounce use of their songs by Trump campaign | CBC News. Retrieved January 09, 2021, from <https://www.cbc.ca/news/entertainment/musicians-vs-trump-1.5779066>
2. Kewibawaan Agong cari penyelesaian krisis politik serlah peranan Raja Berperlembagaan | Berita Harian. (2020, February 28). Retrieved January 09, 2021, from <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/02/660469/kewibawaan-agong-cari-penyelesaian-krisis-politik-serlah-peranan-raja>
3. Sebar berita palsu coronavirus, Zed Zaidi dipanggil beri keterangan. (2020, January 31). Retrieved January 07, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/651583/sebar-berita-palsu-coronavirus-zed-zaidi-dipanggil-beri-keterangan>
4. Hassan, M. (2020, July 28). Jakim kenal pasti 431 aduan, 83 pautan hina Islam di media sosial. Retrieved January 09, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/94386/BERITA/Nasional/Jakim-kenal-pasti-431-aduan-83-pautan-hina-Islam-di-media-sosial>
5. Enizahura Abdul Aziz(2020, January 31) Harmonikan hubungan masyarakat pelbagai kaum. Retrieved (January 10, 2021) from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/01/651403/harmonikan-hubungan-masyarakat-pelbagai-kaum>
6. Mohd Hafiz Ismail (2020, January 16) Gunakan teknologi demi keharmonian kaum. Retrieved (January 10,2021) from <https://www.sinarharian.com.my/article/66131/KHAS/>
7. Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad. (2020, July 10). Jurang pendapatan kaya, miskin semakin lebar. Retrieved (January 11, 2021) from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/709391/jurang-pendapatan-kaya-miskin-semakin-lebar>
8. Hisyam Basabah (2020, September 4). Mizukara, nilai sepunya Melayu yang kini signifikan terhadap masyarakat Jepun. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mizukara-nilai-sepunya-melayu-yang-kini-signifikan-terhadap-masyarakat-jepun-258047>